



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KAKITANGAN *MYAIRLINES* YANG TERJEJAS EKORAN PENGGANTUNGAN PENGOPERASIAN SYARIKAT TERSEBUT DISERU UNTUK MEMFAILKAN TUNTUTAN

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) prihatin akan situasi yang dihadapi oleh kakitangan di bawah penerbangan *MyAirlines* yang telah menggantung operasi penerbangan sejak 12 Oktober 2023 yang lalu.
2. Pihak KSM telah membuat pertemuan dengan mereka yang terlibat pada 16 Oktober 2023 dan sehingga 31 Oktober 2023 (Selasa), sejumlah 123 orang pekerja telah memfailkan tuntutan baki gaji mereka di Jabatan Tenaga Kerja terhadap syarikat penerbangan tersebut.
3. Sehubungan itu, KSM menyeru kepada semua kakitangan lain yang terbabit agar tampil untuk memfailkan tuntutan baki gaji mereka di pejabat tenaga kerja berhampiran dengan kadar segera. Prosedur ini adalah perlu bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil selaras dengan perundangan sedia ada.
4. KSM bersama Jabatan Tenaga Kerja akan sentiasa memantau dan memastikan kebajikan para pekerja syarikat penerbangan ini sentiasa terjaga dan terbela.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
2 NOVEMBER 2023**